

# Majikan perlu kongsi untung

BH - 1 MAY 2000

Ujian kekuatan, walau  
siapa menang sekalipun,  
mempunyai kos  
yang tinggi - PM

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, majikan perlu sanggup berkongsi kenaikan pendapatan dengan pekerja walaupun ia disebabkan peningkatan kecekapan pengurusan atau pertambahan pelaburan untuk meningkatkan kecekapan.

Pada masa yang sama, kata Perdana Menteri, pekerja harus meningkatkan produktiviti supaya keuntungan bertambah dan sanggup pula berkongsi keuntungan itu dengan majikan.

"Inilah cara yang terbaik bagi perniagaan dan perusahaan. Pendapat bahawa upah dapat ditambah melalui ujian kekuatan di antara pekerja dengan majikan, adalah salah.

"Ujian kekuatan, walau siapa menang sekalipun, mempunyai kos yang tinggi. Akhirnya kita akan hilang daya saing, kita akan rugi dan mungkin akan hilang pendapatan. Negara juga akan rugi," katanya dalam perutusan sempena Hari Pekerja.

Dr Mahathir berkata, pekerja negara maju dan kesatuan mereka memang mahu Malaysia menggunakan pendekatan yang boleh memusnahkan negara ini, kerana apabila ia berlaku, tidak akan ada persaingan lagi. Oleh itu, cara terbaik untuk menaikkan upah ialah dengan meningkatkan produktiviti.

Katanya, Malaysia kini lebih maju dan pekerjanya mendapat lebih banyak pulangan kerana jarang berlaku tindakan perusahaan yang boleh menakutkan pelabur.

Pelabur lebih yakin melabur di negara ini kerana mereka tidak perlu membuat peruntukan untuk kerugian disebabkan tindakan perusahaan.

Jika mereka yakin bahawa bukan saja mereka tidak akan rugi kerana tindakan perusahaan tetapi sebaliknya lebih untung kerana pekerja akan meningkatkan produktiviti sepanjang masa, maka pelabur akan melabur dengan lebih banyak.

"Apabila pelaburan meningkat, maka upah untuk pekerja akan meningkat. Pelabur terpaksa menawarkan upahan yang lebih baik

## Pekerja Malaysia bernasib baik

DARI MUKA 1

BH - 1 MAY 2000

untuk mendapat pekerja.

"Ini berlaku kerana insentif diberikan kepada pelabur oleh kerajaan menarik pelaburan yang begitu banyak sehingga bilangan pekerja tidak mencukupi walaupun pekerja asing dibenarkan masuk," katanya.

Perdana Menteri berkata, negara kini kembali kepada kedudukanyangkukuh dan lebih baik untuk menyambung semula usaha memaju dan membangunkan negara demi faedah rakyat.

Ketika krisis kewangan dahulu, banyak rancangan kerajaan terpaksa ditangguh atau dibekukan kerana wang Malaysia dilarikan ke luar negara.

Kejatuhan nilai mata wang

menaikkan kos keperluan yang diimport dan jika tidak kerana kerajaan berjaya mengawal inflasi, rakyat termasuk pekerja bergaji akan hidup merana kerana, tidak dapat membeli keperluan hidup, bahkan pengangguran berterusan.

Kerana itu, katanya, pekerja di Malaysia boleh dianggap bernasib baik kerana negara tidak perlu meminjam daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang memaksa perniagaan yang tidak dapat mengatasi kerugian; ditutup.

"Sekarang kerajaan sedang meneruskan usaha untuk memulihkan ekonomi. Sudah tentu pendapatan pekerja akan bertambah. Tetapi kita

harus ingat ekonomi kita bergantung kepada eksport barangan dan komoditi.

"Jika kos kita mengeluarkan barangan ini lebih tinggi daripada kos di negara jiran, eksport kita tidak akan naik dan mungkin merosot. Jika ini berlaku, mereka ekonomi kita tidak akan dapat berkembang. Ini boleh menyebabkan pengangguran berlaku dan kenaikan upah tidak dapat diadakan," katanya.

Dr Mahathir berkata, kos pengeluaran barangan boleh diturunkan dengan meningkatkan kecekapan dan mengawal kewangan perniagaan dengan cermat, yang memerlukan kerjasama erat di antara pekerja dan majikan.